

17 AUG 2001

Mahathir-Pelaburan

M'SIA BERMINAT MELABUR DI YEMEN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

ADEN, 17 Ogos (Bernama) -- Malaysia berminat untuk melabur di Yemen dalam usaha menjadikan negara Asia Barat itu lebih kaya, dan seterusnya membolehkannya menjadi pasaran yang lebih baik bagi barangan Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau melahirkan harapan agar ahli perniagaan Malaysia dapat berjumpa rakan sejawatan mereka dari Yemen untuk meninjau kemungkinan mengadakan usahasama yang akhirnya meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Sana'a dan Kuala Lumpur.

Beliau berkata Malaysia bukan sahaja berminat menjual produk tetapi juga membeli barangan dari Yemen dan rakan dagangannya yang lain.

"Kami mahu memperkayakan rakan perdagangan kami. Untuk menjadikan mereka kaya, kami perlu membeli daripada mereka kerana jika mereka miskin, mereka tidak mampu membeli daripada kami," katanya kepada ahli perniagaan Yemen di sini Khamis pada satu majlis anjuran Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Yemen dan Dewan Perniagaan dan Industri Aden.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan empat hari ke Yemen, berkata dengan mewujudkan hubungan dengan negara lain, Kuala Lumpur berminat untuk meninjau cara-cara memperkayakan negara terbabit kerana dengan membantu mereka, Malaysia sebenarnya membantu dirinya sendiri.

Beliau percaya bahawa dengan menjalin hubungan yang lebih erat, Malaysia dan Yemen dapat meraih banyak faedah dalam perdagangan dan industri selain hal ehwal antarabangsa.

Dr Mahathir berkata lawatannya bertujuan memperbaharui hubungan yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara kerana di zaman dulu, pedagang Yemen bukan sahaja berdagang tetapi juga menyumbang kepada penyebaran Islam di Malaysia.

Beliau berkata ada di antara mereka telah menetap di Malaysia dan para hadirin gelak ketawa apabila beliau menyatakan bahawa menteri luar Malaysia sekarang berketurunan Yemen, dengan merujuk kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Kami tidak kisah jika orang berketurunan Yemen mempengaruhi hal ehwal luar Malaysia. Bagaimanapun kami menganggap beliau sebagai berbangsa Melayu kerana beliau tidak boleh bertutur bahasa Arab selain berkata 'Shukran' (terima kasih)," katanya.

Dengan nada yang lebih serius, Dr Mahathir menceritakan bagaimana Malaysia berubah daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian dan tin kepada sebuah negara perindustrian selepas sedar bahawa ia tidak boleh bergantung kepada pertanian dan tin sahaja untuk memajukan negara itu.

Beliau juga menerangkan bagaimana Malaysia menangani krisis kewangan 1997, termasuk mengambil langkah-langkah untuk menghentikan perdagangan ringgit.

Di samping itu, katanya, pengkritik meramalkan bahawa ekonomi Malaysia akan hancur tetapi ramalan itu terbukti tidak tepat kerana ekonomi negara kembali pulih dengan mantap berbanding negara lain yang terpaksa meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa.

Terdahulu, setibanya di Aden dengan menaiki sebuah pesawat kerajaan Yemen dari ibu negara Sana'a, Dr Mahathir dan rombongannya dibawa ke Pelabuhan Aden dan Zon Perdagangan Bebas Aden dan diberikan taklimat mengenai pembangunan di kawasan terbabit.

Pembangunan fasa pertama zon itu dilaksanakan oleh Yemen Investment and Development International Ltd (Yeminvest), sebuah usahasama antara Port of

Singapore Authority Corporation (PSA Corp) dan Yemen Holdings Ltd.

Sebuah komponen penting dalam zon itu adalah Terminal Kontena Aden di mana pengurusannya diberikan kepada PSA Corp.

Pelabuhan Aden adalah antara pelabuhan semula jadi yang paling strategik, terletak di laluan perkapalan timur-barat yang utama bagi Laut Merah, Laut Arab, Lautan Hindi, Teluk Parsi selain selatan dan timur Afrika.

-- BERNAMA

MAM AKD